

‘Sistem perolehan pertahanan perlu telus’

Perdana Menteri mahu sistem dirombak elak campur tangan pihak luar

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Sistem pemerolehan aset pertahanan negara perlu dirombak bagi memastikan proses itu dilaksanakan secara lebih telus, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan, berkata sis-

tem pemerolehan aset pertahanan negara tidak lagi boleh diuruskan oleh pihak luar, sebaliknya diputuskan sendiri oleh tentera.

“Mengapa saya pilih sebut perkara ini kepada saudara sekalian kerana bagi veteran, bagi pasukan tentera dan tentunya bagi kita semua rakyat, kesiapsiagaan negara dalam bidang pertahanan itu adalah urusan yang penting.

“Jadi, kita anjurkan (saranan) kepada pimpinan tentera bahawa sistem perolehan mesti dirombak, tidak boleh lagi campur tangan daripada pihak luar.

“Ketua Turus (Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dipertanggungjawabkan pilih yang terbaik. Kapal perang, pesawat, *tank* dan kelengkapan lain mesti yang terbaik. Tak perlu lagi mengu-



Mohamad sambil disaksikan Anwar menyampaikan Sumbangan Bakul Rahmah kepada wakil Persatuan Veteran ATM Kuala Lumpur dan Selangor pada Program Pemerkaasaan Usahawan Veteran ATM di Wisma Perwira, Kuala Lumpur, semalam. (Foto Aswadi Alias/BH)

langi kerenah terdahulu, merompak melalui komisen,” katanya ketika berucap pada Program Pemerkaasaan Usahawan Veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM), di Wisma Perwira, Kementerian Pertahanan, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Pertahanan, Datuk Seri Mohamad Hasan; Timbalannya, Adly Zahari dan Panglima ATM, Tan Sri Affendi Buang.

Anwar berkata, soal pertahanan negara, kesiapsiagaan dan kelengkapan pertahanan seharusnya selaras, sejajar dengan pertumbuhan ekonomi dan kedudukan geopolitik serta strategik negara.

Katanya, usaha ini memerlukan

satu tekad politik yang jelas serta tidak popular, selain boleh mengundang banyak musuh bukan di luar negara, tetapi dalam negara sendiri, terutama kelompok yang biasa dengan budaya korup dan penyelewengan.

Peranan veteran tentera

“Mohon veteran tentera dukung hasrat kerajaan ini. Saya tidak mahu nafikan usaha lalu, tetapi saudara juga tahu, masalah ini selalu dibicarakan.

“Saya juga bertemu banyak persatuan, menemui beberapa dalam kalangan mereka yang membangkitkan hal ini, mengapa masalah ini tak boleh (diselesaikan). Kalau tak sepenuhnya, sebahagiannya mesti diselesai-

kan,” katanya.

Sebelum ini, Persatuan Pegawai-pegawai Bersara Angkatan Tentera (RAFOC) yang menggesa rombakan itu dibuat, menyifatkan usaha Kementerian Pertahanan menubuhkan Jawatankuasa Pelaburan Pertahanan bagi mencegah dan mengelak penyelewengan dalam pemerolehan aset bawah kementerian itu, adalah baik tetapi ia belum mencukupi.

Presiden RAFOC, Leftenan Jeneral (B) Datuk Seri Abdul Aziz Ibrahim, dilaporkan berkata proses sedia ada yang perlu dirombak itu perlu berpandukan beberapa perkara, termasuk teguran Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC).